

## Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-179

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-179 bertarikh 22 Ogos 2017 telah memutuskan perkara berikut:

### Penentuan Majlis Akad dan Serah Terima Bagi *Bai` al-Sarf* Dalam Operasi Kewangan Semasa

#### Keputusan

MPS memutuskan bahawa majlis akad bagi *bai` al-sarf* (pertukaran mata wang) merujuk kepada suatu tempoh masa berlakunya pemeteraian kontrak pertukaran mata wang yang bermula dengan penawaran (*ijab*) dan diiringi dengan penerimaan (*qabul*) serta diakhiri dengan perpisahan (*disengagement*) pihak-pihak berkontrak secara fizikal atau konstruktif, atau pelepasan hak untuk membatalkan kontrak (*takhayur*). Serah terima mata wang dalam *bai` al-sarf* mestilah berlaku ketika majlis akad.

Amalan serah terima mata wang dalam *bai` al-sarf*, contohnya yang dilaksanakan pada hari kedua selepas tarikh transaksi (T+2) dianggap berlaku selepas majlis akad. Walau bagaimanapun, amalan tersebut boleh dibenarkan berdasarkan amalan pasaran (*urf tijari*) ekoran daripada kekangan operasi. Di samping itu, serah terima mata wang selepas majlis akad juga boleh dibenarkan sekiranya berlaku gangguan di luar jangkaan (*unexpected disruption*).


#### Latar Belakang

- *Bai` al-sarf* merujuk kepada kontrak pertukaran/jual beli mata wang. Dalam Syariah, serah terima mata wang (subjek akad) dalam *bai` al-sarf* mestilah berlaku secara lani (*spot*) dalam majlis akad (*majlis al-`aqd*).
- Dalam hal ini, terdapat keperluan untuk menentukan majlis akad bagi *bai` al-sarf* dalam konteks operasi perbankan semasa dan juga menentukan sama ada serah terima mata wang yang berlaku pada hari kedua selepas tarikh transaksi (T+2) adalah dianggap sebagai disempurnakan semasa atau selepas majlis akad.
- Hal ini penting bagi memastikan kepatuhan Syariah dalam pelaksanaan urus niaga mata wang asing oleh institusi-institusi kewangan Islam (IKI).

#### Isu Syariah

- Apakah definisi majlis akad bagi *bai` al-sarf* dalam konteks operasi perbankan Islam semasa?
- Adakah serah terima yang berlaku pada hari kedua selepas tarikh pemeteraian *bai` al-sarf* (T+2) dianggap sebagai penyerahan semasa atau selepas majlis akad?  
(Sila rujuk **ilustrasi** berhubung contoh kontrak pertukaran mata wang)

#### Ilustrasi : Contoh kontrak pertukaran mata wang



## Isu Utama Perbincangan MPS

### Apakah asas keperluan serah terima subjek akad *bai` al-sarf* dalam majlis akad?

- Keperluan serah terima subjek akad *bai` al-sarf* dalam majlis akad adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW seperti berikut:

عن عبادة بن الصامت قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: الذهب بالذهب والفضة بالفضة والبر بالبر والشعير بالشعير والتمر بالتمر والملح بالملح مثلاً بمثل سواء بسواء يدا بيد فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم إذا كان يدا بيد.

Maksudnya: “Dari `Ubadah bin Samit bahawa Rasulullah SAW bersabda: “(Penjualan/pertukaran) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam, apabila ia sama jenisnya, hendaklah sama kadar atau timbangannya dan hendaklah secara lani. Sekiranya berlainan jenis, maka berjual belilah mengikut kehendak kamu tetapi dengan syarat pertukaran dua barangan tersebut berlaku secara lani (serahan tangan ke tangan).”<sup>1</sup>

- Tiada khilaf dalam kalangan fuqaha bahawa perkataan يدا بيد (tangan dengan tangan) dalam hadis di atas membawa maksud penyerahan kedua-dua subjek akad *bai` al-sarf* kepada pihak-pihak berkontrak mestilah berlaku dalam majlis akad, sebelum pihak-pihak berkontrak berpisah.<sup>2</sup>
- Serah terima mata wang selepas majlis akad tidak memenuhi keperluan serah terima secara lani dalam *bai` al-sarf* dan akan menyebabkan berlakunya riba *nasī'ah*.<sup>3</sup>

### Apakah situasi pelaksanaan *bai` al-sarf* yang melibatkan serah terima mata wang pada T+2?

- Serah terima mata wang pada T+2 berlaku dalam transaksi pertukaran mata wang asing antara institusi perbankan (*inter-bank*) melibatkan pihak-pihak berkontrak tidak berada di satu tempat yang sama secara fizikal, tetapi hanya memeterai kontrak *bai` al-sarf* melalui medium-medium berikut:

#### (a) Platform elektronik

- Pemeteraian *bai` al-sarf* berlaku melalui sistem padanan automatik (*automated matching system*) iaitu peniaga (*dealer*) akan membuat penawaran (*ijab*) dengan meletakkan harga yang dikehendakinya sama ada harga belian (*bid price*) atau harga jualan (*ask price*) sesuatu mata wang dan penerimaan tawaran akan berlaku secara padanan automatik (*automatic matching*) dengan *dealer* lain di pasaran yang membuat penerimaan (*qabul*).

#### (b) *Over-the-counter* (telefon atau *chatroom*)

- Pemeteraian *bai` al-sarf* berlaku antara *pihak-pihak berkontrak*, secara langsung atau melalui broker, menggunakan telefon atau *chatroom*.

- Serah terima mata wang pada T+2 merupakan amalan pasaran (*urf tijari*) bagi *bai` al-sarf* yang dimeterai melalui medium-medium elektronik atau atas talian seperti yang dinyatakan di atas dan bukannya secara fizikal seperti perkhidmatan pengurup wang (*money changer/ bureau de change*).

### Apakah pandangan ulama silam dan kontemporari berhubung majlis akad?

- Majlis akad bermaksud pertemuan (*ijtima`*) bagi melaksanakan kontrak jual beli.<sup>4</sup>
- Majoriti fuqaha bersepakat bahawa majlis akad berakhir apabila pihak-pihak berkontrak berpisah (*iftiraq*) secara fizikal.<sup>5</sup>

- Ulama kontemporari memberikan beberapa interpretasi berhubung majlis akad, antaranya ialah:

#### (a) Majlis akad ialah suatu situasi yang melibatkan dua pihak berkontrak saling bersemuka dan saling

<sup>1</sup> Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut, jil. 3, hlm. 1211, hadis no. 1587.

<sup>2</sup> Hammad, Nazih, *Al-Qabd al-Haqiqi wa al-Hukmi*, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, Jeddah, jil. 6, hlm. 539.

<sup>3</sup> Al-Juwayni, *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*, Dar al-Minhaj, Jeddah, jil. 5, hlm. 96.

<sup>4</sup> Ali Haidar, Khawajah Amin Afandi, *Durar al-Hukkam fi Syarh Majallah al-Ahkam*, Dar al-Jil, jil. 1, hlm. 153, perkara 181.

<sup>5</sup> Al-Kasani, *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*, Dar al-Kitab al-'Arabiyy, Beirut, jil. 5, hlm. 215.

Al-Nawawi, *Al-Majmu' Syarh al-Muhadzab*, Dar al-Fikr, Beirut, jil. 9, hlm. 180.

berunding terhadap sesuatu kontrak. Ia ditentukan dengan suatu tempoh masa yang bermula dengan penawaran dan diakhiri dengan pemeteraian kontrak; perpisahan (*iftiraq*) pihak-pihak berkontrak; keengganan (*i`radh*) salah satu pihak berkontrak untuk meneruskan kontrak; atau mengalihkan tumpuan terhadap urusan yang tidak berkaitan dengan kontrak.<sup>6</sup>

- (b) Majlis akad ialah suatu situasi yang melibatkan pihak-pihak melakukan pemeteraian kontrak; atau situasi berlakunya persamaan percakapan (*ittihad al-kalam*) yang berkaitan urusan pemeteraian kontrak.<sup>7</sup>
- (c) Bagi kontrak yang dimeterai melalui telefon, majlis akad berakhir dengan tamatnya perbualan telefon antara pihak-pihak berkontrak.<sup>8</sup>
- (d) Bagi kontrak yang dimeterai melalui e-mel, telegraf atau faksimile, majlis akadnya bermula ketika mana penawaran sampai kepada pihak yang ditawarkan dan berakhir apabila pihak yang ditawarkan menolak tawaran tersebut atau mengalihkan perhatian kepada perkara lain tanpa melakukan penerimaan (*qabul*).<sup>9</sup>

### Apakah jenis majlis akad dalam amalan semasa?

- Ulama kontemporari mengklasifikasikan majlis akad dalam amalan semasa kepada dua kategori:<sup>10</sup>
  - (a) Majlis akad *haqiqi*: iaitu kedua-dua pihak berkontrak berada pada satu tempat dan waktu yang sama secara fizikal; dan
  - (b) Majlis akad *hukmi*: iaitu kedua-dua pihak berkontrak tidak berada di tempat yang sama secara fizikal tetapi berada pada waktu yang sama dan kontrak dimeterai melalui teknologi moden.

### Asas Pertimbangan

- Definisi majlis akad yang tertumpu kepada faktor “tempat yang sama” dilihat kurang relevan dengan amalan semasa kerana kebanyakan pelaksanaan *bai` al-sarf* dalam operasi perbankan tidak melibatkan pertemuan secara fizikal di tempat yang sama, tetapi hanya berlaku dalam talian atau melalui platform elektronik. Justeru, perkara utama yang menjadi fokus dalam mendefinisikan majlis akad bagi amalan perbankan semasa ialah faktor “masa” berlakunya kontrak pertukaran mata wang.
- Pengakhiran majlis akad dengan perpisahan (*iftiraq*) pihak-pihak berkontrak secara fizikal atau konstruktif; atau pelepasan hak untuk membatalkan kontrak (*takhayur*) adalah selari dengan pandangan majoriti fuqaha yang telah dikemukakan dalam perbincangan di atas.

### Implikasi Keputusan MPS

- Keputusan ini adalah penting untuk memberi kejelasan kepada IKI berhubung definisi majlis akad. Berdasarkan keputusan ini, amalan serah terima mata wang dalam *bai` al-sarf*, contohnya yang dilaksanakan pada hari kedua selepas tarikh transaksi (T+2) dianggap berlaku selepas majlis akad. Walau bagaimanapun, amalan tersebut boleh dibenarkan berdasarkan amalan pasaran (*`urf tijari*) ekoran daripada kekangan operasi. Di samping itu, serah terima mata wang selepas majlis akad juga boleh dibenarkan sekiranya berlaku gangguan di luar jangkauan (*unexpected disruption*).

<sup>6</sup> Al-Zarqa', Mustafa Ahmad, *al-Madhal al-Fiqhi al-`Am*, Dar al-Qalam, Damsyik, jil. 1 hlm. 432.

<sup>7</sup> Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa, *Hukm Ijra' al-`Uqud bi Alat al-Ittisal al-Hadithah*, Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami, Jeddah, jil. 6, hlm. 665.

<sup>8</sup> Al-Qurahdaghi, Ali Muhyiddin, *Hukm Ijra' al-`Uqud bi Alat al-Ittisal al-Hadithah*, Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami, Jeddah, jil. 6, hlm. 704.

<sup>9</sup> Al-Qurahdaghi, Ali Muhyiddin, *Hukm Ijra' al-`Uqud bi Alat al-Ittisal al-Hadithah*, Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami, Jeddah, jil. 6, hlm. 713 & 718.

<sup>10</sup> Lihat: Al-Qurahdaghi, Ali Muhyiddin, *Hukm Ijra' al-`Uqud bi Alat al-Ittisal al-Hadithah*, Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami, Jeddah, jil. 6, hlm. 713 & 704. Al-Syeikh, Usamah Abdul `Alim, *Majlis al-`Aqd wa Atharuhu fi `Uqud al-Tijarah*, Jabatan Syariah, Universiti Umm Al-Qura, Makkah, hlm. 19 & 22.

- Sekiranya serah terima mata wang yang dilaksanakan selepas majlis akad bukan disebabkan oleh `urf tjari ekoran daripada kekangan operasi atau gangguan di luar jangkaan, transaksi tersebut akan termasuk dalam transaksi riba *nasi'ah*.
- Keputusan ini juga memperhalusi kepada keputusan Mesyuarat MPS ke-168 bertarikh 28 Jun 2016 berhubung majlis akad bagi *bai` al-sarf*.

*Keputusan ini berkuatkuasa mengikut tarikh penguatkuasaan Dokumen Polisi Bai` al-Sarf yang dijangka akan diterbitkan pada akhir 2017.*